



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN SIMPAN PASIR PANJANG TEROKA KHAZANAH ALAM DAN MEMPERKASA ASTROPELANCONGAN DI NEGERI SEMBILAN

Port Dickson, Negeri Sembilan | 14 Ogos 2026 – Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri (JPN), Negeri Sembilan telah meletakkan komitmen pemeliharaan sumber hutan menerusi penganjuran Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Simpan Pasir Panjang, Negeri Sembilan yang berlangsung dari 10 hingga 14 Ogos 2026. Seramai 37 orang saintis dan penyelidik dari pelbagai agensi kerajaan, institut penyelidikan, institusi pengajian tinggi dan badan bukan kerajaan (NGO) telah menyertai ekspedisi pada kali ini.

Ekspedisi di Hutan Simpan Pasir Panjang, Negeri Sembilan telah mencatatkan beberapa penemuan menarik. Antaranya empat (4) rekod baharu spesies pepatung di Negeri Sembilan iaitu *Pornothemis serrata*, *Onychargia atrocyana*, *Pseudagrion williamsoni* dan *Teinobasis ruficollis*; lapan (8) spesies lalat buah yang merupakan rekod pertama bagi Negeri Sembilan, di mana tiga (3) daripadanya adalah spesies yang berkepentingan ekonomi di Semenanjung Malaysia; enam (6) spesies tumbuhan berstatus endemik termasuk dua (2) daripadanya ialah *Santaloides rugosa* dan *Syzygium subdecussatum*; tiga (3) spesies burung iaitu *Green lora* (*Aegithina viridissima*), *Grey-bellied Bulbul* (*Rubigula cyaniventris*), *Lesser adjutant* (*Leptoptilos javanicus*); dan satu (1) spesies mamalia kecil iaitu *Black giant squirrel* (*Ratufa bicolor*) yang berstatus *Near Threatened* (NT); serta dua (2) spesies mamalia kecil iaitu *Sunda slow loris* (*Nycticebus coucang*) dan *Long-tailed macaque* (*Macaca fascicularis*); dan satu (1) spesies kura – kura iaitu *Spiny hill turtle* (*Heosemys spinosa*) yang berstatus *Endangered* (EN).

Penemuan ekspedisi ini akan menyumbang kepada pengukuhan data saintifik dan membantu pengurusan, pemeliharaan serta pembangunan sumber biodiversiti Hutan Simpan Pasir Panjang secara lestari.

Ekspedisi siri ke-53 JPSM dan siri kelima di Negeri Sembilan ini bertujuan meneroka, mendokumentasi dan menilai kepelbagaian biodiversiti serta sumber semula jadi melalui kajian dalam bidang flora dan fauna, geologi, ekopelancongan serta sosioekonomi.

Hutan Simpan Pasir Panjang yang diwartakan pada tahun 1911 mempunyai keluasan kira-kira 155.60 hektar serta merupakan ekosistem hutan tanah pamah dan pesisiran pantai yang kaya dengan biodiversiti. Kawasan ini turut memainkan peranan penting sebagai dalam memelihara keseimbangan ekologi, kestabilan iklim setempat dan pembangunan ekopelancongan.

Terdahulu, Yang Berhormat Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh, Timbalan Menteri Sumber Asli Dan Kelestarian Alam (NRES) telah merasmikan Majlis Penutupan Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Simpan Pasir Panjang di PD Forest Sungai Menyala, Port Dickson. Pada kesempatan tersebut, Yang Berhormat Timbalan Menteri NRES turut telah meninjau panorama langit malam bagi menikmati pengalaman cerapan astropelancongan yang ditawarkan di PD Forest Sungai Menyala. Cerapan menarik yang diperoleh pada malam tersebut termasuklah fenomena hujan meteor Geminids, bintang, bima sakti dan sebagainya.

Turut hadir adalah Yang Berbahagia Dato' Mohd Radhi Chu bin Abdullah, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia; Encik Ts. Mohd Yussainy bin Md Yusop, Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan; Dr. Aldrich Richard, Pengarah Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia serta Prof. Madya Dr. Amiruddin bin Ahmad, Pensyarah Kanan, Universiti Malaysia Terengganu, merangkap Ketua Ekspedisi

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
14 OGOS 2026



Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Tel: 03-8000 8000 | Faks: 03-8889 4763



nresmalaysia